

ANTARA SYARAK DAN PETUA AMALAN PENYEMBELIHAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT KADOK, KELANTAN

Mohamad Asrar Ramli ⁱ, Noormasitah Johan ⁱⁱ

ⁱ Mahasiswa, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: mohdasrarramli@gmail.com,

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: noormasitah@usas.edu.my

ABSTRAK

Petua adalah nasihat, petunjuk atau panduan yang berguna biasanya oleh orang tua-tua atau yang berpengalaman tentang cara melaksanakan atau mencapai sesuatu dengan berkesan. Dalam masyarakat melayu khusnya di Malaysia kepegangan dengan petua dan amalan orang-orang yang terdulu tidak dapat dipisahkan. Terdapat dua aspek penting yang sering diambil kira dalam amalan sembelihan yang diamalkan oleh masyarakat melayu di Malaysia iaitu aspek yang ditetapkan oleh syarak dan aspek berasaskan petua setempat dan kedua-dua aspek ini mempengaruhi cara sembelihan yang dijalankan. Dalam isu penyembelihan syarak telah meletakkan garis panduan dalam penyembelihan haiwan dengan baik. Oleh demikian, diantara syarat-syarat kelayakan penyembelih mesti menguasai pengetahuan yang mendalam mengenai cara dan proses penyembelihan berdasarkan syarak kerana ia berkait rapat dengan isu halal dan kesihatan. Namun, terdapat sebahagian daripada para penyembelih mengutamakan petua penyembelihan berbanding dengan syarak. Perkara sedemikian akan meninggalkan kesan kepada individu yang menyembelih dan juga haiwan berkenaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keutamaan syarak berbanding petua dalam proses sembelihan yang melibatkan para penyembelih di kampung Kadok, Kelantan. Bagi mencapai tujuan tersebut kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Metode pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen yang merangkumi data kepustakaan dan temu bual separa berstruktur para penyembelih. Dalam proses menganalisis data yang diperolehi metode yang digunakan adalah analisis kandungan dokumen secara analisis tematik. Hasil kajian ini didapati bahawa para penyembelih lebih mengutamakan syarak berbanding petua dalam proses sembelihan. Rentetan itu, Kajian ini dapat membuka minda para penyembelih tentang kepentingan syarak dalam sembelihan yang menjadi asas melakukan ibadah sembelihan dan meletakkan adat petua sebagai hiasan yang melengkapkan ibadah sembelihan.

Kata-kata kunci: Adat, Kelantan, Petua, Sembelihan

PENGENALAN

Sembelihan adalah salah satu cara untuk mematikan atau menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan memutuskan halkum dan mari' dengan menggunakan alat ayang tajam

(kecuali yang diperbuat dari tulang, kuku dan gigi). Halkum ialah urat saluran pernafasan dan mari' pula saluran makanan dan minuman. Islam membenarkan manusia untuk memakan daging haiwan berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak seperti haiwan yang boleh disembelih sahaja yang boleh dimakan. Manakala haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak diistilahkan sebagai bangkai dan najis sepermata firman Allah yang dijelaskan dalam surah al-Ma'idah 5:3

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَأَ لِعَيْرَ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخِقَةُ وَالْمَوْفُوذَةُ وَالْمُنْتَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ لَسْتَغْ فِيمْ إِلَّا مَا دَكَّيْتُمْ

Maksudnya: "Diharamkan kepadamu (memakan) bangkai, darah, daging babi, dan (daging) hewan yang disembelih bukan atas (nama) Allah, yang tercezik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam haiwan buas, kecuali yang sempat kamu sembelih."

Islam adalah agama rahmat kepada sekalian makhluk baik dalam kalangan manusia maupun haiwan. Islam sangat menekankan ihsan atau belas kasihan terhadap haiwan. Jika hendak melakukan sembelihan maka hendaklah dilakukan dengan kaedah yang telah digariskan oleh syariat Islam agar tidak berlaku kezaliman terhadap haiwan yang bakal disembelih. Masyarakat melayu di Malaysia khususnya dikenali sebagai orang yang kuat berpegang dengan adat dan petua dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, perkara ini tidak menjadikan suatu yang asing bagi masyarakat melayu (Abdul Rahman. M., et al., 2018). Petua didefinisikan sebagai nasihat, petunjuk atau panduan yang berguna biasanya oleh orang tua-tua atau yang berpengalaman tentang cara melaksanakan atau mencapai sesuatu dengan berkesan. (Kamus Dewan, 2005)

Dalam amalan dan proses sembelihan terdapat dua aspek penting yang diamalkan oleh majoriti masyarakat melayu di Malaysia iaitu aspek yang digariskan mengikut hukum syarak dan aspek yang diistilahkan sebagai petua atau adat setempat. Penyembelihan dilakukan berdasarkan kedua-dua aspek tersebut. Secara mujmalnya pada sudut syarak empat syarat wajib sembelihan iaitu pertama tukang sembelihan mestilah beragama Islam dan berakal. Kedua, menggunakan alat sembelihan yang tajam, memutuskan saluran utama iaitu urat halum (salaruran pernafasan) dan urat mari' (saluran makanan dan minuman) dan syarat terakhir ialah melafazkan nama Allah SWT untuk sembelihan. Syarat yang telah ditetapkan oleh syarak perlu dipatuhi oleh orang yang melakukan sembelihan untuk memastikan haiwan yang disembelih halal dimakan dan tidak disakiti.

Di samping itu, dalam masyarakat melayu Kelantan juga sangat terkenal dengan adat atau petua dalam melakukan penyembelihan. Ia terdiri daripada tiga peringkat iaitu peringkat pertama sebelum melakukan sembelihan, peringkat kedua ketika melakukan sembelihan dan peringkat ketiga selepas melakukan sembelihan. Petua sembelihan ini tidak menjadi satu kewajipan bagi orang yang melakukan sembelihan untuk mengamalkannya. Hal ini kerana petua hanya merupakan satu ikhtiar mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Petua yang kebiasaanya diamalkan seperti mata pisau disapu dengan minyak yang ada dibahagian hidung tukang sembelih dengan anggapan daging haiwan tersebut tidak berlemak. Walaubagaimanapun, dalam amalan dan proses sembelihan aspek yang digariskan oleh syarak wajib didahulukan berbanding dengan petua. Namun terdapat sebagian daripada penyembelih yang mengutamakan petua penyembelihan dari apa yang digariskan oleh syarak sehingga kesejahteraan haiwan terabai seperti mana yang telah

diceritalan oleh seorang bekas pegawai dari Jabatan Veterinar Kelantan iaitu Encik Mohamad Azam bin Ramli yang menceritakan pengalaman beliau yang turut menyaksikan satu proses sembelihan yang dilakukan agak kurang memuaskan hati beliau kerana berdasarkan pemerhatian beliau dapati tukang penyembelih lebih mengutamakan petua sembelihan berbanding syarak. Kejadian itu berlaku dimana tukang penyembelih masih sibuk menyelesaikan urusan petua sehingga proses sembelihan tertangguh sedangkan haiwan tersebut telah sedia untuk disembelih. Beliau juga turut berpandangan bahawa menyelesaikan kewajipan adalah tuntutan yang lebih diutamakan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keutamaan syarak berbanding petua dalam proses sembelihan yang melibatkan para penyembelih di kampung Kadok, Kelantan.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai penulisan dan kajian yang dilakukan berkaitan dengan tajuk sembelihan. Penulisan dan kajian tersebut boleh diklasifikasikan kepada beberapa tema iaitu berkaitan sembelihan mengikut syarak dan hukum hakam dalam isu-isu sembelihan, proses pensijilan halal dalam sembelihan, isu kegunaan alat moden dalam sembelihan dan kecenderungan masyarakat menggunakan petua dalam kehidupan seharian.

Penulisan dan kajian berkaitan sembelihan mengikut syarak dan hukum hakam dalam isu-isu sembelihan antaranya ialah seperti yang dilakukan oleh Uqbah bin Amir dan team (2016) bertajuk “Hukum-Hakam dan Isu-Isu dalam Ibadah Korban” penulisan ini menjelaskan bahawa isu-isu dalam ibadah korban masih menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat kerana kurangnya pendedahan terhadap hukum sembelihan. Dalam penulisan lain, Hussein Mat Razali dan Anas Mohd Yunus (2018) menekankan bahawa dalam isu sembelihan pasti patuh garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Seterusnya terdapat juga kajian dan penulisan pensijilan halal dalam sembelihan seperti kajian Muhammad Mazuan Razaly dan Zalina Zakaria (2018) bertajuk “Pelaksanaan sistem pengurusan jaminan di rumah sembelihan ayam. Selain itu kajian yang menjelaskan bahawa persijilan halal di Malaysia yang telah berkembang maju menyususri pelbagai industri termasuklah persijilan halal sembelihan yang merupakan skop yang menjadi keutamaan dalam industri halal (Ghazali et al., 2022).

Kajian dan penulisan berkenaan isu kegunaan alat moden dalam sembelihan, antaranya Tuan Sidek T.M dan Ridzuan Ahmad (2018) menegaskan bahawa terdapat perbezaan pendapat di kalangan sarjana Islam berkenaan keharusan penggunaan pisau mekanikal dalam industri sembelihan. Ada pendapat yang mengatakan harus dan begitulah juga sebaliknya. Mengikut Muhamad Firdaus Sapina, Mohd Faizal Rameli dan Mohd Hapiz (2019) berkenaan isi stunning menjelaskan bahawa beberapa cara stunning adalah dibenarkan oleh syarak dan bersesuaian dengan keadaan semasa yang dapat memanfaatkan umat Islam dalam penjimatan masa proses sembelihan, pelembutan kualiti daging dan kecepatan sembelihan haiwan dalam kuantiti yang besar.

Selain itu, terdapat juga kajian dan penulisan mengenai kecenderungan masyarakat menggunakan petua dalam kehidupan sehari-hari. Sahibil (2016) kajian bertajuk “Ritual Adat Korban dalam Adat Masyarakat Ubian. Kajian ini memfokuskan ritual korban, iaitu salah satu proses amalan adat yang masih kukuh diamalkan. Adat korban masyarakat Ubian yang unik bercampur dengan kepercayaan tradisi dan agama Islam. Hasil kajian ini menunjukkan Ibadah Korban yang dilaksanakan oleh masyarakat Ubian tetap berlandaskan ajaran Islam, walaupun terdapat pengaruh tradisi adat petua yang diwarisi dari nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam. Berikutnya kajian bertajuk Antara Fatwa dan Petua dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Penilaian, kajian ini menekankan bahawa masyarakat melayu menggunakan petua dalam kehidupan mereka meskipun kadangkala bercanggah dengan tuntutan agama (Abdul Rahman et al., 2018). Disamping itu, kecenderungan masyarakat melayu lebih tinggi menerima dan mengamalkan petua berbanding fatwa dalam kehidupan harian mereka. Ini kerana sensitif terhadap petua itu lebih diberi keutamaan berbanding fatwa yang boleh memberi panduan dalam kehidupan mereka. Selain itu, pengkaji menjelaskan bahawa punca yang menyebabkan masyarakat melayu dalam memilih antara petua dan fatwa adalah kekeliruan tentang tuntutan agama dan larangannya.

Setelah disoroti, penulisan dan kajian yang terdahulu telah menyentuh pelbagai aspek seperti penulisan berkaitan hukum hakam dan isu dalam ibadah kurban, proses pensijilan halal dalam sembelihan, isu kegunaan alat morden dalam sembelihan dan kecenderungan masyarakat menggunakan petua dalam kehidupan sehari-hari. Kajian dan penulisan lepas menunjukkan kepentingan penyembelihan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak wajib dipatuhi, kerana ia berkait rapat dengan konsep halal taiyiban dan juga kesejahteraan haiwan. Selain itu, terdapat kajian yang menjelaskan bahawa masyarakat melayu adalah masyarakat yang kuat berpegang dengan petua dan amalan orang-orang yang terdahulu. Masyarakat melayu sering menggunakan petua dalam kehidupan mereka sehingga dalam bab fatwa kecenderungan masyarakat melayu lebih tinggi menerima dan mengamalkan petua berbanding fatwa dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan menelaah pengkaji terhadap kajian terdahulu tiada kajian khusus yang dihasilkan berkaitan antara syarak dan petua dalam amalan penyembelihan dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat di kampung Kadok, Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi bersifat kualitatif. Metode pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen yang merangkumi data kepustakaan seperti buku, artikel jurnal dan laporan kajian berkaitan proses penyembelihan yang berdasarkan kepada petua. Proses temu bual separa berstruktur juga dijalani oleh pengkaji bersama dua informan dalam kalangan penyembelih di kampung Kadok, Kelantan. Oleh itu, Pengkaji menyediakan soalan untuk menyoal informan berdasarkan kepada pembinaan satu set soalan separa berstruktur. Soalan-soalan temu bual yang diajukan bertepatan dengan objektif kajian.

Dalam proses menganalisis data yang diperolehi metode yang digunakan adalah analisis kandungan dokumen secara analisis tematik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Adat petua boleh ditakrifkan sebagai kaedah atau cara tertentu dalam proses tertentu untuk mendapatkan tujuan yang tertentu. Petua atau adat petua diskopkan dalam kaedah atau cara turun temurun yang diajarkan oleh orang-orang yang terdahulu. Petua yang dinyatakan oleh pengkaji yang berasal dari amalan seorang guru di sebuah pondok dalam satu daerah di negeri Kelantan (Allahyarham Tuan Guru haji Hashim bin Abu Bakar) yang merupakan bekas mudir di pondok tersebut. Berdasarkan kepada pengalaman dan ilmu yang dimiliki oleh Tuan Guru yang memberi amalan-amalan petua sembelihan kepada penuntut ilmu merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat pertama sebelum memulakan sembelihan, peringkat kedua semasa proses sembelihan dan yang ketiga selepas selesai menyembelih.

1. Sebelum melakukan penyembelihan.
 - i. Gunakan bawang merah kecil, daun serai dan lalang hiris kemudian disapukan bersama-sama yang bertujuan untuk elak daging berlemak.
 - ii. Menyapu minyak hidung pada mata pisau kemudian sapukan campuran bawang merah, lalang, daun serai yang siap diramas dan digumpal ke pisau serta kedua-dua belah tangan sampai ke siku.
 - iii. Pastikan dalam keadaan tenang dan nafas tidak berpeluh kerana akan menyebabkan daging akan menjadi keras sekiranya pernafasan tidak dikawal.
 - iv. Baca doa sebelum melakukan penyembelihan
2. Semasa melakukan penyembelihan.
 - i. Masuk dari arah hadapan haiwan yang ingin disembelih setelah ianya direbahkn dan ikatkan.
 - ii. Dudukan tempat yang ingin disembelih di bahagian tengkuk haiwan itu tidak sama arah dengan kemaluan, tulang kering, keting dan betis penyembelih untuk mengelakkan pisau tersebut terkena pada anggota badan penyembelih. Elakan sedikit kearah mengikut keselesaan agar lebih memudahkan proses penyembelihan dilaksanakan.
 - iii. Tentukan biji halkum haiwan, kemudian sembelih di bawah halkum dengan jarak yang dekat. Sekiranya haiwan yang tua, sembelihlah tepat di atas halkumnya. Ini akan menjadikan daging haiwan tersebut tidak berbau dan mudah empuk apabila dimasak.
 - iv. Sembelihan dilakukan dengan jarak dekat dan tidak jauh daripada halkum kerana ianya boleh mengakibatkan daging berbau hamis serta serta liat untuk di masak.
 - v. Sembelihlah haiwan dengan keadaan yang tenang, mengawal nafas dan dalam keadaan gigi terkacip.
 - vi. Hendaklah dihabiskan sembelihan di sebelah atas kerana ianya boleh mengelakkan daging dihurung oleh lalat yang banyak.
3. Selepas melakukan penyembelihan.
 - i. Pisau yang berlumuran dengan darah perlu disapu pada pipi haiwan yang disembelih dan di badan haiwan serta dengan tangan yang terkena darah.
 - ii. Jangan basuh tangan dan pisau selepas menyembelih haiwan, basuhlah selepas haiwan yang disembelih mati terlebih dahulu kerana ianya boleh mengelakkan daging jadi berlemak. sekiranya anda ingin menyembelih lembu dengan banyak ekor, sekadar membasuh pisau sahaja tanpa membasuh tangan.

- iii. Sapu badan haiwan daripada kepala sampai ke ekor sambil membaca surah Al-Quraisy untuk sembelihan kenduri bagi melariskan daging, begitu juga daging untuk dijual.

Selain itu, terdapat doa-doa yang diamalkan seperti berikut:

اللهم إنا نسألك رضاك والجنة Doa ini kebiasaanya untuk sembelihan korban dan aqiqah

فُرُوحٌ وَرِيحَانٌ وَجَنَّةٌ نَعِيمٌ Doa khasiat untuk memaniskan dan melariskan daging jualan /kenduri

بِسْمِ اللَّهِ وَالصَّلَاةُ عَلَيْ Doa untuk haiwan bersayap/itik/serati/angsa

بِسْمِ اللَّهِ الْكَبِيرِ وَبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Doa ini untuk kegunaan umum dalam proses sembelihan

Berdasarkan sesi temu bual bersama dengan informan yang pertama iaitu Bakri Hassan bin Mohd Noor yang merupakan seorang penyembelih berpengalaman dalam bidang sembelihan. Beliau seorang yang berpengalaman selama **TUJUH (7)** tahun dalam bidang sembelihan. Di awal penglibatan beliau dalam dunia sembelihan sejak tahun 2017 sehingga kini (2024) masih aktif dalam penyembelihan. Beliau menerima ilmu sembelihan dari guru beliau iaitu Tuan Guru Haji Abdul Aziz yang merupakan seorang mudir pondok di tempat beliau. Beliau juga pernah melibatkan diri dalam beberapa sesi kursus sembelihan yang diadakan dalam program-program yang berkaitan. Berdasarkan kepada soalan yang diajukan kepada beliau berkaitan pengetahuan beliau tentang kaedah sembelihan menurut syarak, beliau menjelaskan bahawa dalam sembelihan wajib memutuskan dua saluran iaitu saluran makanan dan saluran pernafasan. Kemudian, tambah beliau sembelihan yang mengikut syarak perlu niat kerana Allah SWT. Beliau juga menjelaskan beberapa pengetahuan beliau tentang petua dalam sembelihan yang turut beliau amalkan dalam proses sembelihan antaranya ialah penyembelih perlu tenang untuk mengelakkan berpeluh ketika melakukan sembelihan. Cara selamat untuk mengelakkan berpeluh dengan meletakkan kain di tengkak untuk mengeringkan peluh.

Menurut Encik Bakri, Petua merupakan satu kepentingan dalam proses sembelihan walaupun petua bukan satu kewajipan bagi penyembelih untuk mengamalkannya kerana petua merupakan ikhtiar untuk mendapatkan sesuatu dengan lebih baik lagi mana petua itu tidak bercanggah dengan tuntutan syarak. Ketika pengkaji menanyakan tentang keutamaan antara petua dan syarak, beliau menegaskan bahawa sembelihan merupakan ibadah yang perlu meletakkan syarak diutamakan berbanding adat petua. Beliau juga berpandangan bahawa tidak sepatutnya mengutamakan adat petua berbanding syariat kerana dengan sempurnya syariat maka haiwan yang disembelih akan sah dan halal untuk dimakan dan tidak menganiayai haiwan berkenaan. Beliau berharap agar para penyembelih perlu belajar ilmu sembelihan kerana ibadah perlu dilakukan dengan sebaik mungkin.

Manakala sesi temu bual bersama Bersama informan kedua iaitu Muhammad Rafie Bin Nuruldin yang juga merupakan seorang penyembelih yang berpengalaman dalam dunia sembelihan. Beliau seorang yang berpengalaman selama **LAPAN (8)** tahun dalam bidang

sembelihan. Di awal penglibatan beliau dalam dunia sembelihan sejak tahun 2016 sehingga kini (2024) masih aktif dalam penyembelihan. Beliau menerima ilmu sembelihan dari guru beliau yang merupakan orang tua-tua seramai **TIGA (3)** orang guru yang menurunkan ilmu sembelihan kepada beliau. Berdasarkan kepada soalan yang diajukan kepada beliau berkaitan pengetahuan beliau tentang kaedah sembelihan menurut syarak beliau menjelaskan bahawa dalam sembelihan perlu menghadap kiblat, melafazkan “Basmalah” serta memutuskan dua saluran iaitu saluran makanan dan saluran pernafasan. Selain itu, beliau juga menegaskan sembelihan yang mengikut syarak perlu niat kerana Allah SWT. Beliau turut menjelaskan beberapa pengetahuan beliau tentang petua dalam sembelihan yang turut beliau amalkan dalam proses sembelihan antaranya ialah lurut minyak hidung atau limau kasturi di mata pisau agar daging itu lembut dan tidak keras.

Menurut Encik Rafie, petua tidak menjadi satu kepentingan dalam proses sembelihan bagi penyembelih untuk tidak mengamalkannya kerana adat petua hanya sekadar untuk mendapatkan hasil sembelihan dengan lebih baik seperti daging menjadi lembut, tidak berlemak dan tidak berbau. Ketika pengkaji mengajukan soalan tentang keutamaan antara syarak dan petua, beliau menegaskan bahawa sembelihan merupakan ibadah yang perlu meletakkan syarak diutamakan berbanding petua. Beliau juga berpendangan bahawa tidak sepatutnya mengutamakan adat petua berbanding syarak kerana petua ini hanyalah mengikut tatacara orang lama yang menyembelih sedangkan syarak ini dari Allah SWT. dan Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan pembacaan sirah nabi bagaimana Nabi Ibrahim AS ditugaskan oleh Allah SWT untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail AS begitu juga Nabi Muhammad SAW menyembelih haiwan korban. Beliau juga turut berpesan agar para penyembelih yang mula berjinak dalam bidang sembelihan perlu belajar ilmu kaedah yang betul dalam proses sembelihan kerana ibadah perlu dilakukan dengan sebaik mungkin.

Dapat dirumuskan bahawa para penyembelih di kampung Kadok lebih mengutamakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak berbanding petua amalan sembelihan. Akan tetapi, para penyembelih berpendapat bahawa petua merupakan satu cara atau usaha untuk menyempurnakan proses sembelihan tersebut walaupun petua bukanlah satu tuntutan. Hal ini kerana petua yang dilaksanakan berdasarkan kepada kepentingan hasil daging haiwan yang disembelih itu seperti daging tidak berlemak, berbau, keras dan sebagainya. Para penyembelih juga tidak setuju sekiranya seseorang penyembelih itu mengutamakan petua berbanding syarak kerana sembelihan merupakan satu ibadah yang perlu berasaskan kepada syariat agar haiwan sembelihan itu halal untuk dimakan dan tidak menganiayai haiwan berkenaan dengan masa yang sama hak kesejahteraan haiwan tidak terabai. Para infoman juga turut memberi pandangan berkaitan dengan isu yang menampakkan kecenderungan penyembelih ke arah petua melebihi dari syarak hanya satu kekhilafan yang tidak sepatutnya berlaku. Hal ini kerana manusia sememangnya sering melakukan kesilapan.

KESIMPULAN

Petua merupakan amalan turun temurun dari orang-orang tua terdahulu. Ia bukan satu kepercayaan yang ada dalam syariat. Petua hanya berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian orang-orang terdahulu tentang perkara-perkara yang melibatkan proses sembelihan. Walaupun boleh dikatakan petua hanya direka akan tetapi rekaan petua bersandar kepada pengalaman dan pemerhatian mereka tersendiri. Tambahan pula, tidak kesemua petua perlu ditolak. Sekiranya petua tidak bertentangan dengan syariat maka boleh diamalkan. Hal ini menunjukkan perlaksanaan petua dalam sembelihan perlu bertepatan dengan situasi, kaedah dan cara yang betul agar tidak menzalimi haiwan tersebut dan hak kesejahteraan haiwan terjaga. Dengan mengutamakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak kemudian dilengkapkan dengan petua menjadikan proses perlaksanaan sembelihan itu lebih baik. Dalam erti kata lain, syariat merupakan asas yang perlu ada untuk melaksanakan sesuatu maka petua menjadi hiasan kepada asas tersebut. Pengkaji mencadangkan kajian selanjutnya seperti kajian perbandingan petua amalan sembelihan yang diamalkan oleh masyarakat melayu di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. (2018). Antara fatwa dan petua dalam maasyarakat melayu: satu kajian penilaian. *e-Proseding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* 23-24 April. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 263-271.
- Amer, U., Bahari, N. & Sungit, F. (2016). Hukum-Hakam dan Isu-Isu dalam Ibadah Korban. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference* 22-23 Nov. 100-113
- Ghazali, M., Awang, M., Sawari, S., & Yunos, N. (2022). Sembelihan dan Persijilan Halal dalam Industri Halal di Malaysia. *Al-Sirat e-Journal*. 22 (1), 60-68
- Razali, H., & Yunus, A. (2018). Prinsip Islam dalam Sembelihan Gong Badak. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. 1(3). 08-109
- Razali, M. & Zakaria, Z. (2018). Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal di Rumah-Rumah Sembelihan Ayam Halal dan Isu-Isu Berkaitan. *Journal of Shariah Law Research*. 105-124
- Sahibil, Z. (2016). Ritual Adat Masyarakat Ubian. *Gendang Alam*. 6, 17-26
- Sapina, M., Rameli, M. & Mahaiyadin, M. (2019). Kaedah Penetapan Hukum Sembelihan Haiwan Secara Stunning: Analisis Terhadap Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia. *Online Journal in Islamic Studies*. 6 (Special Issue). 67-72.
- Tuan Sidek T.M. (2018). Penggunaan Pisau Mekanikal dalam Industri Sembelihan Ayam Halal: Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13 (1), 1-15.